



# قسانقان سنى سىلت چكق مليسيا

**PERSATUAN SENI SILAT CEKAK MALAYSIA (PSSCM)** (PPM-004-14-14052013)

Ibu Pejabat PSSCM. No. 708, Tingkat 3, Lot 138, Bangunan Silat Cekak, Seksyen 79, Jalan Sentul, 51000 Kuala Lumpur

Tel : 03-4050 1671 E-mail : psscm@silatcekak.org

---

Rujukan Kami: PSSCM/2020/1/PEKELILING

Tarikh : 16 hb MAC 2020

Yang Berbahagia,  
Yang Di Pertua Cawangan  
Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia

## ***Sila rujuk Lampiran***

Assalamualaikum wrh.wbr.kth.

Y.Bhg. Tuan,

## **PENANGGUHAN SEBARANG AKTIVITI / PROGRAM / PERHIMPUNAN / MESYUARAT AGUNG CAWANGAN PERSATUAN SENI SILAT CEKAK MALAYSIA (PSSCM) KERANA WABAK COVID19**

Di mulai dengan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW semoga Y.Bhg Tuan serta seluruh ahli-ahli PSSCM Cawangan tuan senantiasa berada di dalam rahmat yang bertali arus dari Illahi.

2. Pihak kami dengan hormatnya merujuk kepada pekeliling yang di dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia bertarikh 16hb Mac 2020 berkenaan **LARANGAN** mengadakan sebarang aktiviti / program /perhimpunan / mesyuarat agung sehingga 30hb Jun 2020 iaitu selaras dengan arahan-arahan yang telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan. Bersama-sama ini disertakan pekeliling tersebut untuk rujukan tuan.

3. Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia sebagai pertubuhan yang tertakluk kepada Seksyen 3A, Akta Pertubuhan1966 (Akta 335), akur dan menurut arahan pihak kerajaan lebih-lebih lagi bagi menjamin keselamatan dan kesihatan ahli-ahli di seluruh negara.

4. Seperti yang dimaklumkan oleh YM Datuk Guru Utama/Presiden Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, bahawa arahan larangan ini termasuk menangguhkan semua Majlis Pengijazahan di seluruh negara yang melibatkan sebahagian besar adalah golongan pelajar yang mana juga tertakluk kepada arahan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

5. Semoga dengan arahan penangguhan ini dapat membantu pihak kerajaan khususnya pihak Kementerian Kesihatan Malaysia yang berhempas pulas melaksanakan sebarang langkah pencegahan agar dapat merenjat wabak yang telah menjadi pandemik di seluruh dunia. PSSCM komited dan sentiasa bekerjasama dengan pihak kerajaan untuk meyakong segala usaha agar wabak Covid19 ini dapat diuruskan dengan baik.

Sekian, terima kasih.

Yang Menjalankan tugas,  
b.p. **PERSATUAN SENI SILAT CEKAK MALAYSIA**



Mohd Hafiz Bin Jamil  
Setiausaha Agung

Salinan

1. Ketua Pengarah  
Jabatan Pendaftar Pertubuhan Malaysia
2. YM Datuk Haji Maideen bin Kadir Shah  
Presiden Dan Guru Utama  
Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia
3. Fail.